

INSTITUSI DAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM: SUATU ANALISA TAHAP PERKEMBANGANNYA DI KELANTAN

Nur Azuki Yusuff *
Nik Kamaliah Nik Abdullah *

Abstract

The state of Kelantan historically has been well known for its Islamic institutions especially pertaining institutions of Islamic education since the advent of Islam till present. This article will discuss in detail the growth of Islamic educational system and institution in Kelantan since pre-independent and after which can be divided into several stages. Historical and documentation methods are applied in collecting the data in the present article. Research findings show that the growth of Islamic educational system and institution in Kelantan is divided into six stages that will be discussed in detail here..

Pendahuluan

Pada amnya, sejarah perkembangan Islam di Kelantan bukanlah suatu pengetahuan yang sukar untuk diperolehi, ini kerana penulisan berkenaannya boleh diperolehi dengan mudah dari hasil pengkajian dan penerbitan lalu. Begitu juga perbincangan terperinci kebanyakan tokoh serta institusi yang terkemuka dalam membangunkan Islam di Kelantan. Namun apa yang menjadi persoalan dalam penganalisaan ini ialah; berapakah tahap perkembangan dan kemerosotan institusi dan sistem pendidikan Islam di Kelantan semenjak Islam mula bertapak hingga kini, serta apakah faktor yang menjadi wasilah/perantara dalam setiap tahap perkembangan tersebut.

* Nur Azuki bin Yusuff, Ph.D adalah pensyarah di Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kognitif Dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia , Sintok Kedah.

* Nik Kamaliah, M.A. adalah pensyarah di Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam Selangor.

1. Peringkat awal kedatangan Islam di Kelantan

Kerajaan Islam awal dibina di Kelantan ialah pada pertengahan ke dua abad ke 12M. Perkara ini tidaklah hairan kerana pada masa itu pemerintahan Islam di Utara Sumatera dan di Champa sudah wujud.¹ Kelantan terkenal dalam perkembangan Islam sejak abad ke 12 M lagi di nusantara ini. Bukti pertama berdasarkan penemuan syiling Dinar emas yang menyatakan terdapat raja Islam memerintah di Kelantan pada tarikh 577H/1180M di Kubang Labu.² Di sebelah muka duit itu ditulis '*al-Mutawakkil 'ala-Allah*' yang bererti berserah diri kepada Allah s.w.t. Sebelahnya lagi di tulis '*al-Julus Kelantan*' yang bererti kerajaan Kelantan, pada dinar emas terdapat juga tulisan '٥٧٧' yang dipercayai sebagai huruf Arab bermaksud 577 H iaitu bersamaan 1180 M. ³ Wang emas itu telah dihadiahkan oleh Nik Mahmud kepada Tuan T.W. Clifton yang ketika itu memegang jawatan Pemangku Pegawai Penasihat Inggeris di Kelantan dalam tahun 1914.⁴ Bukti lain dari laporan pengembara Islam Ibnu Batutah yang pernah singgah di Kilu Krai (yang dipercayai sebagai Kuala Krai), di selatan negeri Kelantan pada 1297M dalam pelayarannya dari India ke China dan mendapati kebanyakan penduduknya beragama Islam. Beliau telah menemui raja perempuan Islam bernama Urduja.⁵

¹ Dibuktikan dari 2 kesan sejarah yang dijumpai di Phan-Rang, selatan Champa; batu nesan bertarikh 431H/1039M dan beberapa kepingan batu bertulisan Arab dikenalpasti bertarikh antara 1025-1035M. Lihat dalam S.Q. Fatimi (1963), *Islam Comes To Malaysia*, Singapore : Malaysian Sociological Research Institute, hh. 43 - 44.

²Bekas ibu negeri Kelantan yang terletak di tebing barat Sungai Kelantan berhadapan dengan bandar Kota Bharu sekarang. Sila rujuk Ismail bin Awang (1986), '*Sejarah Masuknya al-Quran ke Kelantan*', dalam Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh (peny.), *Warisan Kelantan V*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 78.

³ Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh, *op.cit.*, h. 78; Dipetik juga daripada Nik Mahmud bin Ismail (1925/1926), *Kitab Geografi dan Tarikh Negeri Kelantan*, Kota Bharu, Kelantan: t.p., h. 15.

⁴ Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (1985), "Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di negeri Kelantan", dalam Khoo Kay Kim (peny.) *Warisan Kelantan IV*, Kota Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 96.

⁵Namun tidak dipastikan samada raja itu memerintah Kelantan atau sebaliknya. Lihat dalam Pelayaran Ibnu Batutah, h. 157 yang diambil dari buku Saad Shukri Hj Muda (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press, h.33.

Kerajaan Islam Kelantan terus hidup merdeka sehinggalah ia ditakluki oleh kerajaan Islam Melaka di bawah Sultan Mahmud Syah. Ini bererti kerajaan Islam Kelantan hidup merdeka lebih dari 3 abad lamanya (1180-1477M). Kewujudannya lebih mendahului Melaka kerana pada tarikh yang dibuktikan Islam bertapak di Kelantan, Melaka waktu itu masih lagi bertaraf perkampungan nelayan berhutan belantara yang menjadi kawasan pemburuan.⁶ Selepas kejatuhan Melaka, Kelantan terpisah secara tidak langsung dari empayar tersebut.

Perkembangan institusi berorientasikan Islam secara teratur mula dikesan oleh ahli sejarah hanya pada akhir abad ke-18. Institusi pendidikan adalah antara institusi yang ketara dari sudut pengkajian lepas yang juga menjadi ulasan utama penulis. Kelantan menjadi pusat perkembangan Islam sejak tahun 1770-an⁷ dengan antara tokoh gurunya Sheikh Abdul Halim.⁸ Istana telah menjadi institusi pengembangan Islam pada zaman awal Islam di Kelantan.⁹ Sheikh Abdul Halim kemudiannya telah melepaskan tanggungjawab dalam pendidikan Islam kepada anaknya Hj. Yaakub. Tuan Hj. Yaakub menjalankan pengajaran di surau dan waktu pembelajarannya dilakukan sepanjang hari. Surau tempat beliau mengajar didirikan di Pasar lama.¹⁰

⁶ *Ibid.*

⁷ Iaitu di Kota Lama (Kampung Sireh) zaman pemerintahan Raja Hj. Yunus atau Long Yunus (1775-1794M). Jasa Baginda yang cukup besar ialah menyatukan seluruh negeri Kelantan di bawah satu pemerintahan dan menyediakan suasana pendidikan Islam kepada kaum kerabat dan masyarakat tempatan. Pamphlet Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Dalam Alaf Baru (2005), Kota Bharu: A & D Printing And Stationary.

⁸ Beliau adalah anak angkat Sultan Long Yunus (memerintah Kelantan 1762-1794) yang diberikan oleh saudagar Cina yang telah memeluk Islam dan nenekanda Datuk Hj. Muhammad Noor bin Hj. Ibrahim, bekas mufti Kelantan. Sila rujuk Abdul Halim Ahmad (1982), "Pendidikan Islam di Kelantan", dalam Khoo Kay Kim (peny.), *Warisan Kelantan I*, Kota Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar, h. 1.

⁹ Nik Mohamed Nik Nik Mohd Salleh (1985), *op.cit.*, h. 99.

¹⁰ Kawasan Pasar lama itu sekarang dikenali dengan 'Taman Sekebun Bunga' berhampiran panggung Lido, Kota Bharu. (*Ibid.*)

2. Perkembangan dan Kemajuan Sistem Pendidikan Pondok

Sebelum penjajahan Inggeris institusi surau dan masjid berperanan memartabatkan syiar Agama.¹¹ Surau¹² terdapat di setiap mukim dan kampung.¹³ Institusi tersebut bukan hanya berfungsi sebagai tempat ibadat, bahkan mencakupi kebanyakan urusan rukun tetangga/kampung. Institusi masjid lebih besar dibandingkan dengan surau dari aspek binaan, pengurusan dan lain-lainnya.¹⁴ Institusi pentarbiahan tersebut berkembang ke satu tahap lagi apabila wujudnya bentuk institusi pendidikan pondok pada awal abad ke-19 yang mampu menampung keperluan dan tuntutan akademik dan masyarakat semasa.¹⁵ Pondok terawal dikenal pasti ialah Pondok Tuan Guru Hj. Abdul Samad (1820) di Pulau Chondong yang terletak di Jalan Kuala Krai, 28 kilometer di selatan Kota Bharu. Pada tahun 1880, murid-muridnya dikatakan meningkat kepada hampir 500 orang.¹⁶ Semenjak dari itu, pondok didirikan dengan banyak dan tersebar luas di Kelantan¹⁷

Apa yang jelas ialah institusi berorientasikan Islam di Kelantan sudah lama bertapak dan diamalkan. Keadaan tersebut secara langsung memberi kesan kepada perkembangannya di Kota Bharu. Sistem

¹¹ Nik Mohamed (1985), *op.cit.*, h. 98.

¹² Juga dikenali dengan 'Balaisah' di Kelantan

¹³ Nik Abdul Aziz Nik Hassan (1983), "Islam dan Masyarakat Kota Bharu Di Antara 1940-1990" dalam *Islam di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h.2; Lihat juga Hamdan Hassan (1985), "Peranan Pendidikan Islam Masjid Muhammadi Kota Bharu pada permulaan abad ke-20", *Kelantan Dalam Perspektif Sosio Budaya*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, hh.152-153.

¹⁴ Terdapat tiga buah masjid bersejarah di Kelantan, iaitu Masjid Kampung Laut (dipercayai berusia lebih 300 tahun) yang merupakan masjid tertua dikenalpasti di Malaysia, Masjid Muhammadi dan Masjid Langgar yang dibina sekitar pertengahan abad ke 19. Lihat Nik Mohamed (1985), *op.cit.*, h. 98.

¹⁵ Permulaan munculnya institusi ini tidak dapat dikesan dengan jelas, tetapi yang pastinya sekitar tahun 1910-1945 adalah merupakan zaman keemasan perkembangan pondok di Kelantan. Rahim Abdullah, (1982), "Pelajaran Pondok di Kelantan", dalam Khoo Kay Kim (peny.), *Warisan Kelantan II*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, hh. 1-2.

¹⁶ Abdul Halim Ahmad (1982), "Pendidikan Islam di Kelantan, h. 8.

¹⁷ Dr. Hj. Abdullah Ishak (1992), *Islam Di Nusantara (khususnya di Tanah Melayu)*, c. 2, Petaling Jaya, Selangor: al-Rahmaniah, h.179.

pendidikan pondok ini pada awalnya telah dipelopori oleh ulama-ulama dari Patani sejak awal abad ke 19. Selepas itu, sistem pendidikan pondok telah tersebar luas di Kelantan dan menjadi sistem pendidikan Islam yang termoden pada zaman itu.¹⁸

3. Kedatangan Penjajah dan perkembangan awal institusi dan sistem pendidikan Konvensional

Peredaran zaman telah melihatkan satu peralihan sistem pengajian daripada sistem pondok kepada sistem sekolah Agama. Pendidikan secara persekolahan telah bermula pada tahun 1906 apabila sebuah sekolah didirikan di Kota Bharu. Ada pula mengatakan ia bermula pada tahun 1910 iaitu dengan terbinanya Madrasah al-Khairiah di Lorong Tok Semian, Kota Bharu.¹⁹

Penggunaan sekolah di Kelantan hanya wujud setelah lahirnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu pada tahun 1915, iaitu dengan lahirnya Sekolah Melayu Abdul Hadi, Banggol.²⁰ Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang baru dibina pada bulan Disember 1915 dan dirasmikan oleh Sultan Muhammad ke IV. Pada 5hb. Ogos 1917, MAIK telah menubuhkan *al-Madrasah al-Muhammadiyah al-Kelantaniyyah*. Sejak dari tahun 1918, banyak lagi madrasah yang dibuka oleh MAIK iaitu Madrasah Pasir Mas (1918), Madrasah Pasir Puteh (1918) dan Madrasah Kampung Kutan (1hb. Ogos 1919).²¹

Pada tahun 1937, barulah MAIK dapat menubuhkan sekolah Arab pertama di Kelantan, iaitu *al-Madrasah al-Muhammadiyah al-‘Arabiyyah* (Sekolah Arab Muhammadi). Sekolah ini adalah lanjutan kepada *Madrasah al-Muhammadiyah al-Kelantaniyyah*. Pada 12hb. Julai 1942, sekolah ini dipindahkan ke bangunan *Jāme‘ Merbau al-Isma‘yili*

¹⁸ Wan Burhadin b. Wan Omar (1983), “Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan sehingga 1974”, dalam Khoo Kay Kim (peny.), *Islam Di Kelantan*, Kelantan: t.p., h. 92.

¹⁹ Nik Mohamed (1985), *Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di negeri Kelantan*, h. 110.

²⁰ Pak Nik (1980), “Sejarah Pendidikan Kelantan”, (Kertas Kerja Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan, 12 -15 April 1980), h. 5.

²¹ Nik Mohamed (1985), *op.cit.*, h. 111.

dan pada 1hb. Januari 1956 pelajarnya telah dipindahkan ke bangunan baru dan namanya telah diubah kepada '*al-Ma'ahad al-Muhammadi*'. Pada 1952, MAIK ada 10 buah sekolah di bawah kelolaannya dengan 3 buah berbahasa pengantar Melayu dan 7 buah berbahasa pengantar Arab, ia termasuklah SMU(A) Amir Indera Putra, Beris Kubor Besar.²²

Semenjak tahun 1959, jumlah sekolah Agama rakyat yang didaftarkan di MAIK ialah 47 buah dan pada awal tahun 1966, jumlah itu meningkat kepada 134 buah termasuk Pusat Pengajian Tinggi Islam di Nilam Puri, Kota Bharu. Pada 1hb. Julai 1974, Kerajaan Kelantan telah mengambil alih semua sekolah Agama di bawah MAIK. Pada 1hb. April 1975 pula Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa sistem pendidikan Agama yang baru akan diperkenalkan bagi membolehkan pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi dan ia berdasarkan kepada sistem pendidikan Kebangsaan.²³

4. Persaingan pendidikan Islam antara sistem pengajian pondok, institusi SAR YIK dan institusi konvensional

Pengaruh Konvensional dan perkembangan institusinya bertapak di Kelantan pada awal abad ke 20M iaitu pada awal penguasaan kuasa penjajah Inggeris. Sebelum Kelantan dijajah oleh Inggeris, Kelantan berada di bawah naungan Mung Thai atau kerajaan Siam. Kerajaan Kelantan telah menghantar ufti Bunga Mas kepada Kerajaan Mung Thai bermula semasa Kelantan di bawah pemerintahan Long Muhammad atau lebih dikenali dengan Sultan Muhammad I (1800-1835) lagi. Penghantaran ufti bunga Mas ini berlangsung dari tahun 1812 hingga 1903 iaitu selama 91 tahun dan sebanyak 30 kali iaitu pada zaman Long Senik atau Sultan Muhammad IV (1900-1920). Pemberhentian ini disebabkan telah berlaku pertelagahan antara penjajah Inggeris dengan Kerajaan Thai.²⁴

²² Wan Burhadin (1983), *op. cit.*, h. 96.

²³ 'Sistem Baru Pelajaran Agama akan dilaksanakan di negeri Kelantan', *Utusan Melayu*, 3hb. April 1975. Lihat dalam Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1985), *op. cit.*, h. 116.

²⁴ Nik Abdul Rahman bin Nik Yusoff (1975), *Pendirian dan Perkembangan Kerajaan Negeri Kelantan*, Bandung: Fakultas Keguruan Ilmu Sosial Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan, hh. 31- 34.

Pertelagahan itu bermula dengan peristiwa Perjanjian Pajak Tanah di Hulu Kelantan antara Sultan Muhammad IV dengan seorang ahli perniagaan Inggeris bernama Robert William Duff pada 10hb. Oktober 1990 untuk jangka masa 40 tahun. Persengketaan ini berakhir dengan Perjanjian Inggeris Siam pada 6hb. Oktober 1902 dengan beberapa persetujuan, iaitu; Kelantan diarahkan mengambil seorang penasihat Inggeris dari Siam iaitu William Amstrong Graham dan seorang penasihat Inggeris dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu H.W.Thomson.²⁵

Sejak dari tarikh perjanjian itu, bermulalah campurtangan dan pengaruh Inggeris serta penerimaan pengaruh sekularisme secara langsung di negeri Kelantan. Perubahan institusi pemerintahan dari sistem beraja mutlak kepada pemerintahan berperlembagaan. Penasihat-penasihat Inggeris yang dilantik selepas Perjanjian Inggeris Siam dan Perjanjian Bangkok itu mula melakukan beberapa perubahan dalam sistem pemerintahan dan institusi di bawah kerajaan negeri Kelantan. Ketika inilah berlakunya perubahan dalam institusi politik pemerintahan, ekonomi dan kebudayaan. Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad IV ini bermula pada tahun 1903, seluruh sistem ekonomi yang dahulunya pendapatan kerajaan adalah hak raja telah bertukar kepada sistem feudal. Penasihat Inggeris meletakkan harta kerajaan kepada milik kerajaan dan rakyat.²⁶

Pada 1904, Sultan telah mewujudkan institusi keselamatan dan keamanan dengan penubuhan pasukan polis Kelantan yang diuruskan oleh pegawai Inggeris. Pada akhir pemerintahan Sultan Muhammad IV, beliau telah mengarahkan kewujudan jajahan dan daerah dengan terbinanya institusi pejabat tanah dan jajahan Kelantan, mengikut panduan penjajah.²⁷

Penasihat Inggeris itu secara beransur-ansur telah mengurangkan kuasa Sultan Kelantan. Kerajaan Mung Thai ketika itu berasa terdesak dengan pengaruh Inggeris yang kuat tadi lalu mengambil keputusan

²⁵ Abdul Halim Ahmad (1982), *op. cit.*, h. 25.

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Nik Abdul Rahman bin Nik Yusoff (1975), *op.cit.*, h. 34.

melakukan persetujuan dalam Perjanjian Bangkok dengan Inggeris pada 16hb. Julai 1909 yang secara rasminya Kelantan telah menjadi tanah jajahan Inggeris di bawah kesatuan negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Pada Perjanjian Inggeris Siam (Anglo-Siamese) 1909, J.S. Masion Gabenor atau penasihat pertama Inggeris di Kelantan telah mula campurtangan dalam semua urusan di Kelantan.²⁸ Pada 22hb. Oktober 1910 pula Perjanjian Persetiaan antara Sultan Muhammad IV dengan Sir John Anderson di Kota Bharu telah berlangsung sebagai tanda taat setia kerajaan Kelantan kepada kuasa Penjajah Inggeris.²⁹ Tapak asas pengaruh konvensionalisme penjajah yang dibina pada zaman Sultan Muhammad IV ini telah dituruti oleh warisan kesultananannya iaitu Sultan Ismail (1921-1944), Sultan Ibrahim (1944-1960), Sultan Yahya Petra (1960-1984) dan Sultan Ismail Petra (1984-kini).

Penjajahan Inggeris British pada peringkat awalnya tidak memberikan kesan langsung kepada kemerosotan institusi berorientasikan Islam. Namun kesan yang amat ketara dirasai ialah apabila sistem dan institusi utama dalam kerajaan telah diubah kepada bersifat dualisme dan institusi Islam hanya tertumpu kepada perkara tertentu sahaja. Pendekatan diplomasi dan berhemah ini telah membantu pihak penjajah meluaskan pengaruh pentadbirannya di Kelantan.

Pada tahun 1906 sistem matawang telah diseragamkan dengan nama matawang pitis dari logam timah yang berlubang di tengahnya. Namun demikian Ringgit Kerajaan Selat masih digunakan. Institusi komunikasi telah berubah dengan pesatnya. Pada 1911, jalanraya telah mula menghubungkan Kelantan dengan negeri-negeri di Pantai Barat, begitu juga jambatan pertama telah didirikan dengan nama Jambatan Masion. Pada 1913 terbina jalan keretapi dan pada 1919, jalanraya telah

²⁸ Leslie Ratna Singam Robert (1973), *Kelantan 1890-1939, Government In Transition*, (Master Of Arts, Kuala Lumpur: Universiti Malaya).

²⁹ Abdul Halim Ahmad (1982), *op. cit.*, h. 35; Rujuk dalam Hussein Ahmad (1972), *Malaysia: Suatu Sejarah*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 160; Saad Shukri Hj. Muda (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*, h. 108; Nik Ahmad Hj. Nik Hasan (1964/5), "Kajian Ringkas Mengenai Keturunan Long Yunus", *Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan*, Bil.1, Kota Bharu: Bintang Emas, h. 50.

menghubungkan Kelantan dengan Terengganu dan Pahang.³⁰

Sebelum itu, pada 1903 juga badan legislative ditubuhkan dengan nama Majlis Mesyuarat Negeri oleh Sultan Muhammad IV. Manakala pada tahun 1904, Badan Pengadilan telah dibentuk secara terancang berasaskan acuan Inggeris yang terdiri dari Mahkamah Tinggi atau dikenali dengan Mahkamah Balai kerana beroperasi di Istana Balai Besar, Mahkamah Adat atau Mahkamah Rendah, Mahkamah Tanah dan Mahkamah Syariah. Namun demikian memandangkan mahkamah syariah itu tidak mampu mengadakan pengurusan Islam secara lebih luas Kerajaan Kelantan dengan persetujuan penasihat Inggeris telah menubuhkan Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu pada tahun 1915 supaya operasinya berlaku lebih luas, merangkumi hal ehwal agama, adat istiadat, zakat, masjid, surau, sekolah agama, harta wakaf dan perkuburan. Perlu juga diketahui bahawa kelulusan Inggeris ini sebenarnya secara tidak langsung telah menyempitkan bidang kuasa pemerintahan Sultan yang hanya kepada pengurusan di MAIK sahaja. Dalam pentadbiran negeri, British telah menghadkan bidangkuasa undang-undang syariah. Pembaharuan pentadbiran adalah untuk menyelaraskan peraturan terhadap institusi berkaitan orang Islam seperti wakaf, zakat, kehakiman dan haji. MAIK ditubuhkan untuk membantu Sultan mentadbir perundangan yang sama dengan kehendak undang-undang dan ordinan British. Pentadbiran Islam hanya terhad untuk pendidikan dan ibadat khas sahaja.³¹

MAIK dengan tanpa bantahan Inggeris telah menubuhkan Madrasah Muhammadiyatul Arabiyah pada tahun 1917 bertujuan untuk memperbaiki institusi pendidikan pondok yang sedia ada dan menyaingi institusi pendidikan konvensional yang dimajukan Inggeris ketika itu.³² Pada tahun 1936, dua buah sekolah Inggeris telah dibina iaitu Sultan Ismail School untuk pelajar lelaki dan Zainab School untuk pelajar perempuan dengan tujuan melahirkan masyarakat Kelantan yang dapat

³⁰ Saad Shukri Hj. Muda (1971), *op.cit.*

³¹ Hussin Mutalib (1990), *Islam And Ethnicity In Malay Politics*, Singapore; Oxford University Press. h. 11, 16 & 17.

³² Sebelum itu, Pada 1904 Sekolah Melayu (konvensional) pertama didirikan oleh Inggeris di Padang Merdeka dengan sistem pendidikan sekular diperkenalkan.

menolong pemerintahan penjajah dalam urusan pejabat dan kerajaan. Namun sambutannya dingin sekali. Pada tahun 1938 hanya 143 orang sahaja murid lelaki dan hanya 28 orang murid perempuan.³³ Madrasah Muhammadiyatul Arabiyah juga pada peringkat awalnya kurang mendapat sambutan kerana penduduk Kelantan lebih mengutamakan pengajian pondok pada masa ini. Oleh itu, nilai-nilai sekularisme dan konvensional barat hanya mampu dialirkan kepada segelintir penduduk sahaja yang terdiri dari golongan bangsawan dan aristokrat dari pegawai kerajaan.

Peredaran zaman telah menampakkan suatu perubahan institusi pondok kepada institusi yang lebih sistematik iaitu institusi persekolahan. Namun demikian ia tidak menafikan institusi pondok yang telah sedia ada. Institusi persekolahan telah bermula pada tahun 1906 apabila sebuah sekolah didirikan di Kota Bharu.³⁴ Kebanyakan madrasah lahir sebagai lanjutan dari sistem pengajian pondok.³⁵ Namun selepas tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu (1948), ekoran dari kepesatan institusi sekolah Melayu dan Inggeris menyebabkan pondok mulai kurang mendapat sambutan masyarakat.³⁶

Penasihat Inggeris mengurus dan memantau semua kerja pentadbiran negeri. Penolong pengurus pentadbiran negeri terdiri dari 15 orang ahli. Hanya pegawai dan pembesar lama sahaja dikekalkan. Pendekatan sebegini tiada perbezaan ketara dengan negeri-negeri lain. Sebelum penjajahan Inggeris, dalam institusi pentadbiran, Toh Kweng³⁷ dan Imam mempunyai kuasa besar, Toh Kweng mempunyai anak buah yang dipanggil Kerah/krah (Corve'e). Segala masalah dirujuk kepadanya, tetapi selepas Inggeris bertapak di Kelantan, Toh Kweng ditukarkan kepada Penggawa (Tok Gawa) pada 1909 dan dikawal penuh oleh penjajah Inggeris. Sebagai langkah keselamatan, penghormatan terhadap

³³ Nik Abdul Rahman bin Nik Yusoff (1975), *op. cit.*, h. 35.

³⁴ Pendapat lain ada mengatakan pada tahun 1910 dengan terbinanya Madrasah al-Khairiah di Lorong Tok Semian, Kota Bharu. Nik Mohamed (1985), *op.cit.*, h. 110. Dipetik dari W.A Graham (1908), *Report On The State Of Kelantan (for Period 24 Feb. 1906- 14 Feb. 1907)*, t.t.p.: t.p. h. 26.

³⁵ Abdul Halim Ahmad (1982), *op.cit.*, h. 20.

³⁶ Nik Mohamed (1985), *op.cit.*, h. 104.

³⁷ Atau Tok Kweng, penggawa yang bertanggungjawab kepada ketua jajahan.

adat dan Islam tetap dijaga demi menjaga ketenangan pentadbirannya dari isu sensitiviti yang boleh menggugat kedudukan penjajah.³⁸ Masyarakat Islam turut berpeluang melakukan ibadat haji dan cuti pada awal bulan Muharam, Akhir bulan Safar dan Maulud Nabi s.a.w.³⁹

Antara institusi yang berkembang seperti Majlis Agama dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK), pentadbiran Kadhi, penerbitan Majalah Pengasuh, kutipan zakat, madrasah, pegawai pengurus pentadbiran masjid, pentadbiran Mufti dan Majlis ulama. Penasihat Inggeris⁴⁰ pernah menasihatkan Sultan Kelantan supaya membuat pemodenan dan pembaharuan sistem, mendirikan Mahkamah Keadilan, membina Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Pertengahan walaupun berlaku sedikit kerumitan hubungan antara mereka.⁴¹ Perubahan telah berlaku pada Undang-undang Adat 1903; denda antara 10 Ringgit sehingga 1,000 ringgit. Undang-undang Adat(jenayah), Sivil dan Syariah.⁴²

Penubuhan institusi Majlis Agama dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK) adalah satu langkah besar ke arah Islamisasi di Malaysia dan Kelantan khususnya.⁴³ MAIK merupakan majlis agama Islam pertama

³⁸ Sebagai contohnya berkenaan cuti pekerja; hari Khamis bekerja separuh hari, bulan Ramadhan pula bekerja sampai pukul 1.00 tengahari, hari Jumaat cuti, manakala Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha cuti 3 hari.

³⁹ Lihat *Kelantan Annual Report* (Ogos 1904 - Mei 1905), h. 18 dan 1932 h. 3; *State Of Kelantan, General Orders* (Julai 1939), bahagian 4, h. 20 - 23.

⁴⁰ Penasihat Inggeris dari Siam iaitu William Amstrong Graham.

⁴¹ Kelantan Enakmen no. 23 of 1938, "To Repeal and Reenact The law Relating To The Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan And Religious Funds; Kelantan Annual Report 1915, h. 8.

⁴² Azman Ismail (1992), "Kajian Mengenai Pembaharuan Pentadbiran di MPKB Kelantan". (Disertasi, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Am, Kuala Lumpur: Universiti Malaya), h. 166.

⁴³ Nik Mohamed (1985), *op.cit.*, h. 110; Lihat juga Abdul Razaq bin Mahmud (1991), "Perkembangan Masjid dan Surau di bawah Majlis" *Pengasuh*, Bil. 514, Majalah Dakwah dan Hadharah Islamiyah, MAIK, Kota Bharu. Oktober 1991 bersamaan Rabiul awal/akhir 1412, h. 5.

ditubuhkan di Malaysia.⁴⁴ Berikutan kejatuhan kerajaan Patani Darul Salam kepada Siam pada 1785, pusat pengajian Islam beralih ke Kelantan.⁴⁵ Penubuhannya hasil dari perjanjian antara raja-raja Melayu dan Inggeris dengan sokongan padu masyarakat.⁴⁶ Namun bidang kuasa Majlis hanya mengendalikan urusan-urusan adat budaya, perundangan syariah, masjid, perkahwinan, kekeluargaan dan zakat yang melibatkan orang Islam sahaja. MAIK juga mengelola pengurusan pentadbiran imam masjid dan guru Agama kampung⁴⁷ dan bertindak sebagai pemegang fatwa Kerajaan dan kelulusan sebarang tindakan berdasarkan syariat Islam.⁴⁸

MAIK juga bertindak menterjemahkan kitab-kitab lama dan menolong fakir miskin.⁴⁹ Pada 1916, terdapat sejumlah 261 masjid dan surau jumaat, tetapi laporan penyata MAIK tidak memberi senarai lampiran imam dan lain-lain. Cumanya terdapat ketetapan terhadap tugas dua imam, dua bilal dua khatib di masjid, manakala di surau untuk solat berjemaah dan bacaan talqin sahaja.⁵⁰ Institusi masjid pada pertengahan

⁴⁴ Majlis Agama di Johor ialah pada 1925 dan di Kedah pada 1948. penyata tahunan MAIK 1917 h.39. Antara mufti Kelantan sehingga tahun 1976 mengikut urutan ialah: Syed Daud bin Syed Mohd al Bahrain (Tengku Long Senik Mulut Merah/Sultan Muhammad ke 2, Pemangkunya Hj Wan Ishak bin Abdullah zaman Sultan Mansor, Hj. Wan Musa Hj Wan Abdul Samad bin Soleh (anak Tuan Tabal), Hj. Wan Muhammad bin Wan Abdul Samad (Abang kepada Hj. Wan Musa, merupakan aggota MAIK zaman penubuhannya. Beliaulah yang mengusulkan gelaran 'Darulnaim'. Seusia Tok Kenali. Mati 1920 pada umur 51 tahun.), Hj. Idris Hasan Lorong Che Su Kota Bharu, Hj. Ibrahim bin Yusof, Dato' Hj. Ahmad Maher Hj Ismail dan Dato' Hj Mohd Nor Hj Ibrahim (anak kepada Hj. Ibrahim Yusof). Lihat Ismail Awang (Ogos 1976/ Sya'ban 1396), "Mufti Hj. Wan Mohd bin Hj. Wan Abdul Samad", *Pengasuh*, Bil. 417, h. 8.

⁴⁵ Antara orang yang bertanggungjawab di sebalik penubuhan MAIK ini ialah Tok Kenali, Hj. Nik Ahmad Ismail, Hj. Khatib, Hj. Mohd Said pada mesyuarat Konsul Selasa 30hb Muharram 1334/7hb. Disember 1915 meluluskan penubuhan MAIK pada Sultan Muhammad ke 4. Lihat *Pengasuh* 507 Nov/Dis 1990/1411H Rabiul Akhir/Jamadil Awal. Bangunan MAIK dari Ogos 1917 – Febuari 1990.

⁴⁶ *Seminar Intelektual Islam di Malaysia* ke 3, UKM, Bangi. 29 - 30hb. April 1983.

⁴⁷ *Laporan Tahunan 1987/1407H*, Jabatan hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Lundang, Kota Bharu.

⁴⁸ Contohnya meluluskan Sistem Gadaian Islam yang dijalankan oleh PKB.

⁴⁹ Abdul Razaq bin Mahmud (1991), "Perkembangan Masjid dan Surau di bawah Majlis", h. 5.

⁵⁰ Dalam buku laporan *Penyata MAIK* tahun 1916, h. 5

Abad ke 19 iaitu semasa Kelantan menjadi pusat pengajian penting, bilangan masjidnya melebihi 100 buah dan mencecah 200 di akhir Abad yang sama. Sebelum 1915, masjid dan pengurusan Islam yang lainnya di bawah bidangkuasa pejabat mufti dalam pentadbiran kerajaan negeri.⁵¹

Perpindahan kuasa pentadbiran antara pejabat Mufti dan MAIK bermula selepas notis no. 10 tahun 1916 bernama "notis masjid dan surau enakmen".⁵² 1917-277 buah masjid, etika dan peraturan diselaraskan, peranan, bidangkuasa dan sebagainya. 1920-281, 1926- 283, 1928-282⁵³(masjid melor dibina 1937, 1940-295. Pada tahun 1960 terdapat 354 buah masjid yang berdaftar rasmi dengan MAIK. ⁵⁴ Seterusnya pada tahun 1990, bilangannya bertambah kepada 504 buah, bilangan ini dinyatakan ketika Majlis merayakan Ulangtahun penubuhannya yang ke 75. Dalam pentadbiran MAIK, terdapat satu jabatan yang menyelenggara urusan persempadanan mukim iaitu Pejabat Mentera mukim, MAIK.⁵⁵

Sekolah Agama Rakyat pertama ditubuhkan ialah '*al-Madrasah al- Muhammadiyyah al-Kelantaniyyah*' (15hb. Ogos 1917) di Kota Bharu. Bermula dari tahun 1918, telah banyak madrasah yang dibuka oleh MAIK seperti Madrasah Pasir Mas (1918), Madrasah Pasir Puteh (1918) dan Madrasah Kampung Kutan (1hb. Ogos 1919).⁵⁶ Pada tahun 1937, barulah MAIK dapat menubuhkan sekolah Arab pertama di Kelantan, iaitu *al-Madrasah al-Muhammadiyyah al-^cArabiyyah* (Sekolah Arab Muhammadi). Seterusnya Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan

⁵¹ Abdul Razaq bin Mahmud (1991), *op.cit.*, h. 6.

⁵² Lihat dalam Abdullah Yusof (t.t.) "Perkembangan Masjid mukim 1916-1990", h. 2.

⁵³ Dimatikan masjid temangan kerana kurang ahli jemaah.

⁵⁴ Buku laporan *Penyata MAIK 1960*, h. 4.

⁵⁵ Pegawai MAIK ini berkerja menyukat ukur mentera mukim surau hingga akhir 1917. Pkerjanya hanya terdiri dari 2 orang; iaitu Mohd Hj. Ahmad (jurusukat) dan Abdullah Ibrahim (pembantu). Kerja sukat bermula pada 1913 iaitu ketika kuasa menjaga masjid di bawah mufti Hj Wan Musa. Jumlah mukim ialah 106 buah pada 1917. Dalam Abdul Razaq bin Mahmud (1991), "Perkembangan Masjid dan Surau di bawah Majlis" *Pengasuh*, Bil. 514, h. 8.

⁵⁶ Nik Mohamed (1985), *op.cit.*, h. 111.

(YPTIK) pada pertengahan 1960-an.⁵⁷ Pada peringkat awalnya YPTIK di bawah tanggungjawab Jemaah Pengelola Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (JPPPTIK). Pada 1967 Kerajaan pusat telah melakukan pengambilalihan Nilam Puri dan pihak Kementerian telah mengelola penghantaran pelajar ke Mesir.⁵⁸

5. Perubahan Sistem dan Dasar Pendidikan Negara dan YIK Selepas Berlakunya Peristiwa 13hb. Mei 1969

Peristiwa 13hb. Mei 1969 telah memberi tekanan yang tinggi kepada kerajaan pusat dan masyarakat majmuk Malaysia ke arah kesedaran integrasi nasional. Pendekatan dalam Dasar Ekonomi Baru banyak menyedarkan rakyat bahawa usaha ke arah pembangunan masyarakat perlu disambut secara serius. Justeru ia turut memberi kesan dan perubahan kepada sistem dan bentuk institusi pendidikan Islam di Kelantan.

JASA (YIK) umpamanya telah melakukan usaha drastik mengambilalih kebanyakan madrasah yang dikelolai oleh sesetengah pondok dan orang perseorangan dengan meletakkannya di bawah bantuan JASA samada bantuan penuh ataupun bantuan separuh. Kebanyakan tenaga pengajar di semua institusi tersebut diberi gaji dan elaun oleh kerajaan negeri. Semasa YIK dikenali dengan Jabatan Sekolah-sekolah Agama (JASA) sebelum tahun 1974, ada 11 buah sekolah yang ditadbirnya. Infrastruktur dan pentadbirannya adalah dari YIK sepenuhnya. Ia menyelaraskan dari sudut sukatan dan sistem persijilan yang sama iaitu SRP, SMU, SPM, STU dan STPM.⁵⁹ Kementerian Pendidikan Malaysia dan MAIK telah menyelaraskan gaji guru dan elaunnya. Gaji guru SMU(A) Bantuan Penuh adalah mengikut Skim Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala SMU(A) Bantuan Separuh dibayar elaun dengan

⁵⁷ Wan Burhanudin b. Wan Omar (1983), *Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (sehingga 1974)*, h.h. 91 - 95.

⁵⁸ Jabatan Penerangan Malaysia (1969), *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Percetakan Sulai, h.1.

⁵⁹ Badan Redaksi Sekolah, *Majalah al-Amir*, Bil. 1. Bachok, Kelantan, SMU(A) Amir Indera Petra, 1989/ 1409H, h. 30. Lihat juga Artikel Sekolah Menengah Agama (Arab), YIK, Kelantan, 1990 .

tenaga pengajar yang mempunyai Ijazah; RM550, STU dan STP; RM350 dan SPM; RM300.⁶⁰

Berkenaan pendidikan Islam, Laporan Jawatan kuasa Kabinet (1979) memperakukan supaya taraf pendidikan Islam diperluaskan. Pada 1980-an, pendidikan Islam telah dijadikan dasar serta tunjang dalam penggubalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan Menengah.⁶¹ Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan kelas-kelas aliran agama juga dibuka.

Pada peringkat ini berlaku perkembangan pesat terhadap institusi pendidikan Islam secara formal di bawah kelolaan pihak Kerajaan. Beberapa resolusi dan reformasi pendidikan telah dibuat. Kesemua madrasah pendidikan Islam diselaraskan di bawah YIK.⁶² Banyak faktor yang mendorong kepada perkembangan ini. Di antaranya ialah;

1. Persaingan antara pendidikan Islam dan pendidikan bersistem Sekular (Barat).
2. Kesedaran terhadap dakwah Islamiah, yang mana wujudnya ketidakseimbangan pendidikan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Pada peringkat ini, sistem pendidikan pondok mula mengalami zaman peralihan. Masyarakat mula mengalih pandangan kepada sistem pendidikan yang lebih formal untuk menjamin masa depan umat dan Islam. Kesedaran ini hasil dari perubahan paradigma yang dibentuk selepas penerapan nilai perpaduan dan kepentingan mengisi arus pemodenan.

Selain sistem dan institusi yang dibincangkan itu, teknologi sistem Radio, Televisyen dan tape kaset serta video yang diterima pakai seawal sebelum kemerdekaan dulupun juga mempunyai peranan tersendiri dalam mempelbagaikan sistem pendidikan Islam di Kelantan khususnya

⁶⁰ "Elaun Guru Bantuan naik 45%", *Suara YIK*, bil.07/99, 1999 / 1420 H, hal 12. Dan Risalah Penerangan YIK, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1984.

⁶¹ Mohd Zaki Abd. Manan, Hasnan dan Mohd Zamir (1999), *op.cit.*, h. 22; Lihat juga dalam laman web: <http://www.Islam.gov.my/bm/korporat/sejarah5.html> ,14 September 2004.

⁶² _____, *Jajahan Bachok Sepintas Lalu*. Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok. Profil Daerah Bachok, Kelantan, 1999, h. 12.

dengan mengadakan slot agama dan perbincangan mengenai hukum dan kepentingan Islam serta pengamalan syiar Islam yang lainnya.

6. Pembangunan Sistem dan Dasar Pendidikan Negara dan YIK Ke arah Mencapai Wawasan 2020

'Wawasan 2020' telah diketengahkan oleh Tun Dr. Mahathir pada 28hb. Februari 1991.⁶³ Ia mempunyai 9 cabaran berupa rangka kerja dalam memulakan langkah bagi perjalanan jauh yang akan ditempuhi oleh negara.⁶⁴ Objektif 'kemajuan' dalam Wawasan adalah merangkumi segala aspek kehidupan; ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan, kebudayaan dan semuanya itu sempurna dari segi pencapaian lahiriah, nilai moral dan etika. Realiti yang ingin dicapai ialah menjadikan Malaysia negara yang benar-benar maju, bersatu, mampu berdikari, progresif dan makmur. Rakyatnya akan menikmati kehidupan sempurna dalam satu masyarakat yang mempunyai keyakinan diri, nilai moral dan etika yang utuh, demokratis, liberal, bertolak ansur, penyayang, adil, saksama ekonomi, progresif, makmur, mampu bersaing, dinamik dan menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamis, kukuh serta mempunyai daya

⁶³ Tun Dr. Mahathir telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Malaysia Melangkah ke Hadapan" semasa pelancaran Majlis Perdagangan Malaysia pada 28hb. Februari 1991 yang mengandungi matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 yang dikenali sebagai "Wawasan 2020".

⁶⁴ Cabarannya ialah:

1. Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat dikongsi bersama.
2. Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah.
3. Mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang.
4. Mewujudkan masyarakat yang bernalak dan beretika.
5. Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur.
6. Mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif.
7. Mewujudkan masyarakat penyayang
8. Mewujudkan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi.
9. Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, giat dan kental

Lihat dalam Pejabat Perdana Menteri. Perspektif Wawasan 2020. laman web <http://gosh.ex.ac.uk/activities/societies/malaysian/exco/malaysia/wawasan.html>, 2 September 2002.

ketahanan tinggi.⁶⁵

Dalam mencapai hasrat tersebut, kerajaan pusat telah merangka dan menstrukturkan semula sistem pendidikan Islam dan membangunkan institusi pendidikan. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri telah melaksanakan kesemua bentuk perancangan yang dirangka oleh pihak kerajaan pusat. Berkebetulan dalam masa yang sama, kerajaan negeri Kelantan telah diperintah pada awalnya oleh Parti PAS dalam dalam komponen Angkatan Perpaduan Ummah dan kemudiannya komponen Barisan Alternatif (1990-kini 2006). Kerajaan Kelantan yang bermotokan “Membangun Bersama Islam” telah sedaya upaya mempertahankan institusi pendidikan Islam di bawah Yayasan Islam Kelantan di samping membangunkan beberapa institusi pendidikan lain.⁶⁶

Pada peringkat ini, mula didapati kemerosotan dan kejatuhan institusi pendidikan pondok. Ramai tokoh ulama Agama pondok telah meninggal dunia dan tidak meninggalkan pewaris yang benar-benar mempunyai kredibiliti dan jatidiri, atau pewaris golongan ulama tadi lebih cenderung untuk membawa perjuangan pendidikan Islam dalam bentuk baru. Banyak institusi pondok yang telah terkubur atau ditukar kepada bentuk institusi pendidikan lain. Perkara inilah yang menimbulkan kesedaran dalam mewujudkan Pusat Pendidikan Pondok, Telong. Pada Peringkat ini kelihatan perkembangan ketara dalam institusi pendidikan sekolah. Institusi pendidikan sekolah Agama ini mendapat tumpuan penuh oleh pihak Kerajaan Negeri dan Yayasan Islam Kelantan. Perkembangan sekolah Agama dan pondok bersifat berlawanan dengan institusi pendidikan sekolah yang mengalami peningkatan dan institusi pendidikan pondok yang mengalami kemunduran. Fenomena ini bukan mengeneppikan kualiti sistem pendidikan pondok, tetapi sistem pendidikan sekolah lebih dipilih oleh masyarakat.

⁶⁵ Ahmad Sarji b Abdul Hamid (1994), *The Civil Service Of Malaysia Towards Vision 2020*. Government of Malaysia; *Wawasan 2020 Dan Perkhidmatan Awam Malaysia* (1994), Kuala Lumpur: INTAN; Abu Hassan Adam (1991) *Menghala Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn Bhd.

⁶⁶ Beberapa Maahad Tahfiz dan Kolej Islam Antara bangsa (KIAS).

Walaupun pada peringkat awalnya persaingan institusi dan sistem pendidikan Islam adalah tiga penjurur iaitu; institusi di bawah kerajaan negeri, kerajaan pusat dan di bawah kelolaan pihak persendirian/swasta. Namun sejak akhir-akhir ini (awal 2000-an) yang paling ketaranya institusi di bawah tajaan kerajaan pusat lebih mempengaruhi minat dan penerimaan masyarakat berasaskan beberapa faktor seperti: Kemudahan infrastruktur, jaminan berkerjaya dan sebagai tanda sokongan kepada pihak kerajaan pusat.

Berpunca daripada kejayaan masyarakat mempengaruhi pemikiran kepimpinan kerajaan pusat supaya mengambilkira pembangunan Islam dalam memenangi hati rakyat, maka banyak agenda dan program yang dilaksanakan bertepatan dengan hasrat yang ingin dilaksanakan oleh kumpulan pendesak.⁶⁷ Antara contoh lain seperti penempatan guru agama dan penggubalan modul pendidikan Islam yang terbaru seperti j-QAF⁶⁸ dan menjadikan Islam sebagai asas disiplin dalam pentadbiran negara di samping menjadikan matapelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia, pemikiran Islam dan pendidikan Islam sebagai mata pelajaran wajib universiti di semua IPT.

Selain kemudahan teknologi sistem Radio, Televisyen dan tape kaset serta video, perkembangan teknologi maklumat dalam dunia maklumat dan komunikasi tanpa sempadan era kini juga merupakan satu revolusi perkembangan institusi dan sistem pendidikan Islam yang perlu diketengahkan. Dalam kemudahan internet, cekera padat dan pelbagai perisian yang ada telah membuka ruang yang luas dan pelbagai kepada bentuk sistem dan institusi pendidikan Islam. Walaupun ramai berpendapat bahawa teknologi canggih yang ada kini banyak merosakkan generasi masyarakat, namun tidak boleh dinafikan ia turut memberi sumbangan bermakna kepada perkembangan institusi dan sistem pendidikan Islam di Kelantan dan dunia amnya.

⁶⁷ Pandangan penulis diterima oleh Setiausaha UMNO bahagian Kota Bharu, Che Mansor Adabi (bekas ketua pemuda UMNO Kota Bharu dan calon DUN Tanjung Mas) yang menyatakan PAS memang merupakan kumpulan pendesak tegar. Mereka tidak mampu melaksanakan agenda politik berbanding UMNO yang melaksanakannya. Wawancara dengan beliau di pejabatnya pada 28hb. Oktober 2004.

Rumusan Faktor Yang Mempengaruhi Setiap Tahap Perkembangan

Faktor yang dikenalpasti ini adalah hasil pengamatan penulis sendiri yang mungkin perlu kepada penambahbaikan dan perincian yang lebih mantap. Tahap awal sebenarnya memang tidak dapat dinafikan lagi pastinya bermula pada peringkat awal kedatangan Islam di Kelantan. Kedatangan Islam di Kelantan perlu dilihat kepada dua keadaan; bilakah bertapaknya Islam di Kelantan dan komuniti serta individu manakah yang membawa Islam ke Kelantan. Tahap ini telah melalui tempoh perkembangan yang lama dan berliku. Walaupun mungkin terdapat peristiwa serta faktor besar yang berlaku pada tahap ini namun ia secara langsung tidak menampakkan kesan jelas kepada pengkaji sejarah.

Hakikat tersebutlah yang menyebabkan penulis meletakkan bahawa tahap kedua pada tempoh perkembangan dan kemajuan sistem pendidikan pondok kerana faktor dan pengaruhnya besar. Perkembangan sebenar sistem pendidikan pondok di Kelantan amat membanggakan dan pengaruhnya meliputi seluruh nusantara ini sehingga ia mencapai tahap pengiktirafannya yang tersendiri iaitu Kelantan diberikan jolokan "Kelantan Serambi Mekah".⁶⁹

⁶⁸ Modul pendidikan Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardu 'Ain pada peringkat sekolah rendah dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia kepada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.

⁶⁹ Nama Serambi Mekah telah disebut oleh Tun Sri Lanang dalam *Salatun Salatin* yang ditulis pada 1612M, menyebutkan bahawa pada 13M, Sheikh Ismail diutuskan oleh Sarriif Mekah ke negeri-negeri Melayu yang terletak di Pantai Timur Sumatera (Sultan Malikul Salih). 'Kelantan Serambi Mekah' timbul apabila penuntut dari seluruh Sumatera seperti Maidiling, Suak, Medan dan selainnya yang datang belajar agama pada abad ke 20 hingga perang dunia kedua menggelarkannya. Gelaran Serambi Mekah pernah disebut oleh Prof. Hamka ketika datang berpidato di Padang Bank (Padang Merdeka), Kota Bharu pada tahun 1954. Sejak itulah gelaran ini diguna pakai oleh pemedato dan penulis ketika menggambarkan Kelantan sebagai pusat penyebaran ilmu-ilmu Islam. Lihat dalam *Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan*, Fokus Negeri Kelantan. h. 29; Nik Ab Aziz Nik Hassan (1983), *Islam di Kelantan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, hh.1 - 2; Pendetailan lanjut lihat Abdullah Muhammad Nakula (1/12/1990), "Bagaimana Kelantan Mendapat nama Serambi Mekah" dalam Lotfi Ismail (1991), *Serambi Mekah di Bawah Pimpinan Ulamak*, vol. 1, Kota Bharu: Penerbitan Jaafar Rawas, hh. 3 - 8.

Manakala bagi tahap yang seterusnya, walaupun sistem perkembangan pondok masih berkembang maju dan diterima masyarakat, perlu dinyatakan bahawa kedatangan penjajah Inggeris telah banyak merubah budaya, corak ekonomi, sosial dan politik masyarakat Kelantan. Atas faktor tersebutlah penulis mengklasifikasikan bahawa tempoh awal kedatangan dan penguasaan penjajah merupakan telah bermulanya tahap seterusnya yang mampu memberi tekanan dan persaingan kepada sistem dan institusi yang sedia ada. Pada tahap inilah bermulanya perkembangan awal institusi dan sistem pendidikan Konvensional.

Corak pentadbiran dan pengurusan Inggeris benar-benar menguji arus perkembangan Islam di Kelantan. Oleh itu, telah timbul kesedaran tinggi masyarakat Kelantan untuk memantapkan sistem dan institusi pendidikan Islam dalam menghadapi persaingan dengan institusi konvensional yang ditaja oleh penjajah. Banyak sekolah agama (Arab) yang dibina oleh MAIK, YIK (JASA) dan institusi lain yang dikelolai individu dan persatuan. Jadi, atas faktor persaingan antara sistem pengajian pondok, institusi Sekolah Agama Rakyat, sekolah YIK dan institusi konvensional yang berlaku secara langsung dan tidak langsung serta mengambil tempoh masa yang lama ini, penulis merasakan ianya patut dikelaskan pada tahap perkembangan yang kritikal. Ini kerana pada tahap yang seterusnya pengkaji sejarah akan mendapati persaingan tersebut semakin kurang dan hanya menyebelahi beberapa bentuk institusi dan sistem yang diwakili pengaruh yang lebih mendominasi golongan masyarakat pada ketika itu.

Sebagai bukti yang jelas, apabila berlakunya Peristiwa 13hb. Mei 1969, masing-masing kerajaan pusat, kerajaan negeri mahupun setiap masyarakat telah mengambil sikap membina semula objektif dan matlamat institusi. Kerajaan pusat telah membentuk Dasar Pendidikannya, kerajaan negeripun turut sama memperkasakan institusi pendidikan Islam di bawah kelolaannya dan masyarakat keseluruhannya menyahut seruan kerajaan tersebut. Kesannya pada tahap ini, bermulalah era kejatuhan pengaruh institusi dan sistem pendidikan pondok dari sudut penerimaan masyarakat di Kelantan khususnya. Apa yang paling ketara di Kelantan ialah walaupun masyarakatnya masih berpegang kuat kepada ajaran dan didikan agama, namun demi jaminan masa depan, ramai pelajar di peringkat menengah dan rendah sudah tidak memilih untuk menjadi pelajar di pondok-pondok yang sedia ada. Di samping itu, penulis mendapati sudah tidak ada lagi

institusi pondok yang baru diwujudkan selain dari yang sudah sedia ada, kecuali Pondok Moden di Telong, Kandis. Institusi dan sistem pendidikan Islam lain yang turut menerima kesan penolakan masyarakat ialah institusi yang dikelolai secara individu dan persatuan kecil. Sesetengahnya diambilalih oleh YIK dan sesetengahnya berubah bentuk (dari institusi yang bersifat sosial kepada ekonomi dan perniagaan), tidak kurang juga yang berkubur setelah pelopornya meninggal dunia atau membiarkannya tanpa dipedulikan.

Tahap seterusnya berlangsung apabila kerajaan pusat mengambil langkah positif dalam persaingan politik (dengan parti PAS) apabila menggerakkan arus perjuangan politik kepada lebih bersifat keagamaan. Tahap ini menyaksikan persaingan sengit perkembangan institusi dan sistem pendidikan Islam yang dipengaruhi oleh perjuangan politik kepartian. Perkembangan politik di Kelantan yang didokong oleh parti PAS yang secara asasnya memperjuangkan Islam samada dalam pendidikan atau bidang lain telah cuba dinafikan dan disaingi oleh parti komponen Barisan Nasional yang didominasi oleh UMNO. Oleh itu, banyaklah agenda kerajaan diwujudkan ke arah usaha tersebut yang boleh dilihat bermula ketika pembentukan wawasan negara berasaskan "Mencapai Wawasan 2020". Selain itu, pengklasifikasian tahap ini juga disebabkan faktor bermulanya revolusi teknologi maklumat yang mungkin akan membina dimensi dan era baru kepada perkembangan sistem dan institusi pendidikan Islam seterusnya.

Berasaskan faktor dan keadaan yang dijelaskan beserta perkembangan sistem dan institusi pendidikan Islam dalam tahap yang dibina tersebut, penulis yakin bahawa ianya berlaku mengikut ketentuan Ilahi yang menampakkan keagungan dan kehebatan Nya. Perubahan sistem dan institusi tersebut meletakkan kebenaran bahawa dakwah dan perjuangan Islam tidak hanya berada pada satu sistem dan institusi tertentu sahaja. Fenomena ini tidak melanggar sunnah perjuangan Islam yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w.. Oleh yang demikian itu, bolehlah dinyatakan bahawa tidak menjadi satu kesalahan sekiranya dikatakan bahawa mungkin berlaku pada tahap perkembangan seterusnya, sistem dan institusi pendidikan Islam harus turut berubah mengikut kepentingan dan keperluan masyarakat pada masa tersebut. Pada kesimpulannya yang ingin

dinyatakan bahawa sistem dan institusi pendidikan hanyalah '*Wasilah*' kepada perjuangan mengembangkan ilmu-ilmu Islam yang harus diberi keutamaan apabila ianya dikira memberi kesan terbaik kepada penerimaan masyarakat. Akan tetapi, apabila sistem dan institusi tersebut sudah tidak diterima atau keperluannya sudah berkurang maka tidak menjadi satu kesalahan kepada pendokong ilmu-ilmu Islam untuk lebih mengutamakan sistem dan institusi terbaik lain yang diterima masyarakat ketika itu.